



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 26 OGOS 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKATLAPORAN
PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	DI MANA IBU KANDUNG NUR SYAFIQATUL ZURI?	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275569/edisi/terengganu/di-mana-ibu-kandung-nur-syafiqatul-zuri	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PROGRAM PERKASA WANITA B40 DALAM KEUSAHAWANAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/program-perkasa-wanita-b40-dalam-keusahawanan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SASAR 660 COP TANGAN BELIA SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-66	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275573/berita/nasional/sasar-660-cop-tangan-belia-sempena-hari-kebangsaan-ke-66	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KANAK-KANAK TABIKA KEMAS HASILKAN JALUR GEMILANG GUNA KOTAK SARANG TELUR	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-tabika-kemas-hasilkan-jalur-gemilang-guna-kotak-sarang-telur-434466	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2219500	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	ANAK-ANAK HILANG FOKUS, SILIBUS TINGGI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/anak-anak-hilang-fokus-silibus-tinggi/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	15 bayi terima sumbangan pahang pride kid 2023 daripada MB	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/15-bayi-terima-sumbangan-pahang-pride-kid-2023-daripada-mb/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PUT BRAKES ON 'REGRESSIVE' CITIZENSHIP LAW CHANGES, HOME MINISTRY TOLD	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/25/put-brakes-on-regressive-citizenship-law-changes-home-ministry-told/87288	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	MASNI PENSYARAH WANITA ORANG ASLI PERTAMA TERIMA GERAN ANUGERAH MERDEKA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144888/masni-pensyarah-wanita-orang-asli-pertama-terima-geran-anugerah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275705/berita/nasional/pensyarah-wanita-orang-asli-pertama-terima-geran-anugerah-merdeka	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	PUSAT HIBURAN DISERBU, 23 WANITA ASING DIDAKWA AMBIL DADAH	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/23-wanita-warga-asing-tidak-mengaku-ambil-dadah/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/23-wanita-warga-asing-tidak-mengaku-ambil-dadah/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WARGA EMAS RUGI LEBIH RM10,000 BARANG KEMAS DILARIKAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/wanita-warga-emas-rugi-lebih-rm10000-barang-kemas-dilarikan/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	BUKTI KEMAMPUAN WANITA	
	https://www.hmetro.com.my/WM/2023/08/1003073/bukti-kemampuan-wanita	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KANAK-KANAK TIDAK BERMAYA, DITINGGAL 40 MINIT DALAM KERETA BERKUNCI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275683/berita/semasa/kanak-kanak-tidak-bermaya-ditinggal-40-minit-dalam-kereta-berkunci	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	LELAKI DIDAKWA 22 PERTUDUHAN KESALAHAN SEKSUAL, MANGSA 2 BERADIK ANAK JIRAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144862/lelaki-didakwa-22-pertuduhan-kesalahan-seksual-mangsa-2-beradik-anak	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	KEPALA DIHENTAK DI MEJA, TANGAN DICONTENG, IBU KESAL ANAK DIBULI	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275654/berita/semasa/kepala-dihentak-di-meja-tangan-diconteng-ibu-kesal-anak-dibuli	SINARHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KPM BERI PERHATIAN, KOMITMEN UNTUK PENDIDIKAN DI SABAH, SARAWAK	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1003204/kpm-beri-perhatian-komitmen-untuk-pendidikan-di-sabah-sarawak	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WARGA EMAS RUGI RM10,000 DIPERDAYA BANTUAN KEBAJIKAN, PELABURAN VERBAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1003268/warga-emas-rugi-rm10000-diperdaya-bantuan-kebaikan-pelaburan-verbal	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/25/wanita-warga-emas-rugi-rm10000-selepas-diperdaya-dua-individu-datang-ke-rumah	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	'TOLONGLAH BANTU BAYI SAYA'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1003252/tolonglah-bantu-bayi-saya	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	PSL RAI HARI WARGA EMAS SEDUNIA, JALIN KERJASAMA DENGAN COLUMBIA ASIA	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2219697	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	25 OGOS 2023 SPM – SCAM MEMBABITKAN WARGA EMAS	
	https://www.youtube.com/watch?v=1tZZUAtBagI	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BAYI BERNYAWA, BERTALI PUSAT DITEMUI DALAM TONG SAMPAH	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1144869/bayi-bernyawa-bertali-pusat-ditemui-dalam-tong-sampah	BHARIAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/bayi-ditemui-dalam-tong-sampah-di-pantai-emas-klebang/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2023/08/bayi-bertali-pusat-dibuang-dalam-tong-sampah-di-melaka/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/275708/berita/semasa/bayi-masih-bertali-pusat-uri-ditemukan-dalam-tong-sampah	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-masih-bertali-pusat-uri-ditemukan-dalam-tong-sampah-434586	ASTROAWANI.COM
	https://www.buletintv3.my/jenayah/bayi-perempuan-masih-bernyawa-disumbat-dalam-beg-plastik-dibuang-dalam-tong-sampah/	BULETINTV3.MY
	https://www.melakahariini.my/bayi-masih-hidup-ditemui-dalam-tong-sampah/	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	LELAKI MAUT, ISTERI PARAH NAHAS EMPAT KENDERAAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/275701/berita/semasa/lelaki-maut-isteri-parah-nahas-empat-kenderaan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	PENARIK BECA KENA 'PRANK' SEDEKAH PALSU	
	https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/08/penarik-beca-kena-prank-sedekah-palsu/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




**MALAYSIA
MADANI**

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

26/8/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
23	IBU BERUSIA 78 TAHUN GAGAHKAN DIRI JAGA ANAK TERLANTAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/08/25/ibu-berusia-78-tahun-gagahkan-diri-jaga-anak-terlantar/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : 1,500 PELAJAR TAK SABAR NANTI 31 OGOS

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 14

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Seramai 1,500 pelajar sekolah dari sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor berlatih pada sesi raptai sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2023 di Dataran Putra. (Foto BERNAMA)

“Saya teruja dan tidak sabar menanti tarikh 31 Ogos ini, sebab saya tidak pernah terbabat dalam acara negara”

Luqman Hakim Kamal Hakimi,
Pelajar SMK Bangsar



“Sokongan daripada ibu bapa menjadi pembakar semangat untuk saya teruskan latihan walaupun mengalami keletihan”

Sheryl Shaqera Shamsul Zahari,
Pelajar SM Perempuan Sri Aman



1,500 pelajar tak sabar nanti 31 Ogos

Persembahan formasi manusia bakal hasilkan logo merdeka



diiringi dengan lagu tema Hari Kebangsaan 2023 iaitu Tekad Perpaduan Penuhi Harapan.

Nor Hapipah berkata, semua pelajar terbabat adalah pelajar Tingkatan Dua, Tiga dan Empat yang terpilih bagi mewakili 47 sekolah dari sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

“Bagi hasilkan persembahan terbaik ini, semua pihak terbabat perlu pastikan setiap pelajar melakukan gerakan secara serentak agar tidak mencacatkan persembahan.”

“Persembahan formasi manusia ini jika dilihat dari pandangan atas akan membentuk logo Demi Malaysia, Tekad Perpaduan dan Malaysia MADANI,” katanya kepada Bernama.

Nor Hapipah berkata, latihan

persembahan formasi manusia itu adalah di bawah bimbingan 25 guru yang bertindak sebagai jurulatih kesenian bagi memastikan pelajar membuat persembahan yang sempurna di hadapan tetamu kehormat serta pengunjung yang dijangka seramai 100,000 orang.

“Kami juga perlu pastikan mereka mendapat waktu rehat yang cukup setelah penat dan letih dengan sesi latihan yang bermula 8 pagi hingga 3 petang,” katanya sesi latihan bermula sejak Julai lalu.

Bagi komponen persembahan khas pula, Nor Hapipah berkata, seramai 600 pelajar akan bergabung dengan kira-kira 1,000 peneri dan pemain gendang dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Katanya, persembahan yang menjanjikan kolaborasi menarik itu akan diiringi dengan lagu *Kurik Kundi*, yang pernah dipopularkan penyanyi tempatan, Datuk

Seri Siti Nurhaliza Tarudin.

Lagu berkenaan akan dinyanyikan secara berselang-seli oleh beberapa artis iaitu Aina Abdul bagi mewakili masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia, Suki Low (kaum Cina), Jacklyn Victor (kaum India), Bob Yusof (masyarakat Sarawak) serta Elica Paujin (masyarakat Sabah), yang menggambarkan penyatuan rakyat, katanya.

Pengalaman berharga

Sementara itu, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bangsar, Kuala Lumpur, Luqman Hakim Kamal Hakimi, 16, menyifatkan penyertaan julung kali beliau dalam persembahan formasi manusia adalah suatu pengalaman yang sangat berharga kerana diberi peluang membuat persembahan di hadapan tetamu kehormat.

“Saya teruja dan tidak sabar menanti tarikh 31 Ogos ini, sebab saya tidak pernah terbabat dalam

acara negara,” katanya yang minat seni tarian sejak berusia lima tahun.

Senada dengan Luqman Hakim, pelajar Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor, Sheryl Shaqera Shamsul Zahari, 15, berkata sokongan daripada ibu bapanya menjadi pembakar semangat untuknya meneruskan latihan walaupun mengalami keletihan.


Pelajar Tingkatan Tiga itu berkata, beliau mengambil sikap terbuka dalam menerima setiap teguran daripada tenaga pengajar yang semestinya mahu memastikan semua peserta membuat persembahan terbaik.

“Teguran tegas ini mampu betulkan kesilapan kami, sebagai balasan, kami akan janjikan persembahan terbaik, bukan sahaja untuk kepuasan diri sendiri malah untuk bangga kan ibu bapa serta pihak sekolah,” kata anak kedua dari tiga beradik itu.

BERNAMA

Putrajaya: Berbekalkan kipas dan sapu tangan, 1,500 pelajar sekolah akan bergabung tenaga membentuk formasi manusia bagi menghasilkan logo Demi Malaysia, Tekad Perpaduan dan Malaysia MADANI pada sambutan Hari Kebangsaan 2023, di Dataran Putrajaya 31 Ogos ini.

Penolong Pengarah Unit Pembangunan dan Kecemerlangan Seni Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan (KPM), Nor Hapipah Md Shah berkata persembahan formasi manusia yang mengisi komponen pembukaan itu akan



TAJUK : KPM SASAR MODUL KEPADA GURU, MURID ISLAM SAHAJA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi

KPM sasar modul kepada guru, murid Islam sahaja

Program rintis dilaksanakan di 61 SMKA, 228 SABK

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) menjelaskan, pelaksanaan program rintis Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi hanya membabitkan guru dan murid beragama Islam di 61 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan 228 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negara.

Dalam satu kenyataannya semalam, KPM berkata, pelaksanaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi itu disasarkan kepada guru dan murid beragama Islam sahaja.

Penjelasan itu dibuat susulan kebimbangan kumpulan bukan Islam terhadap pengenalan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di sekolah yang diumumkan KPM, Sabtu lalu.

Dalam kenyataan itu, KPM memaklumkan pelaksanaan modul itu bertujuan memupuk semangat ihsan, kasih sayang dan memperkasakan kefahaman agama dalam kalangan guru dan murid beragama Islam.

"Inisiatif ini diharapkan mampu melahirkan generasi anak yang baik lagi cerdas seterusnya mengangkat karamah insaniah

berdasarkan tiga elemen utama iaitu adab, akhlak dan integriti," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, KPM sentiasa berusaha menerapkan nilai-nilai murni yang merangkumi elemen perpaduan, silang budaya, kepelbagaian agama dan saling menghormati antara kaum dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan di institusi-institusi pendidikan bawah kelolaannya.

Sabtu lalu, ketika melancarkan modul berkenaan, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, berkata ia akan mula dilaksanakan di SMKA dan SABK sebelum diedarkan ke sekolah di bawah KPM tahun depan.

NGO Islam selar MCCBCHST

Dalam pada itu, pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam terus menyelar tindakan Majlis Perundangan Agama Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) yang menolak pengajian penghayatan hadis 40 Imam Nawawi di sekolah dengan dakwaan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) dalam

kenyataannya semalam menegaskan, MCCBCHST tidak berhak mempersoal usaha KPM untuk memupuk ilmu dan nilai Islam yang betul kepada pelajar Islam berdasar rujukan al-Quran dan hadis.

Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata kenyataan MCCBCHST bahawa Islam harus terbatas hanya kepada urusan peribadi dan majlis rasmi yang bersifat 'ceremonial' semata-mata, jelas menunjukkan cuba campur tangan dalam hal ehwal dan pengajian Islam.

"Kami ingin mengingatkan kepada pihak berkenaan jangan cuba mengganggu dan campur tangan dalam urusan Islam di negara ini," katanya.

MCCBCHST sebelum ini menyatakan kebimbangan mendalam terhadap kemungkinan pelajar bukan Islam perlu mempelajari Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi.

MCCBCHST berkata, bahawa Perkara 12(2) dan Perkara 12(3) Perlembagaan Persekutuan menghalang rakyat Malaysia menerima arahan dalam mana-mana agama selain agama mereka.

Kumpulan itu berkata, kerajaan dan Menteri Pendidikan mesti ber-

pandukan Perlembagaan dan tidak membenarkan agama mempengaruhi dasar pendidikan.

Mengulas lanjut, Mohd Azmi berkata, pendidikan Islam yang berteraskan pengajian al-Quran dan hadis sehati dalam pendidikan Islam untuk melahirkan pelajar Muslim berakhlak mulia dan insan berintegriti.

Katanya, ugutan pihak berkenaan mahu mengambil tindakan undang-undang jika penggunaan Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dijadikan pengajian untuk pelajar Islam adalah provokasi yang tidak boleh diterima sama sekali.

"Mereka mencabar pihak berkuasa pendidikan negara yang mahu menerapkan rujukan Islam dalam sistem pendidikan. Bantahan itu nampaknya sangat jelas mahu mempersoalkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan," katanya sambil menuntut MCCBCHST menarik balik kenyataannya dan menghentikan sebarang kempen senyap untuk mempersoalkan kedudukan Islam di negara ini.


Dalam nada sama, Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Muhammad Faisal Abdul Aziz, berkata perkara itu tidak seharusnya dipolemikkan kerana modul berkenaan diterapkan dalam lingkungan pelajar beragama Islam sahaja.

Menyifatkan pelaksanaan modul itu amat bertepatan dengan keperluan semasa, beliau menambah, ia sekali gus dapat membasmi fahaman melampau dalam beragama daripada berleluasa di negara ini kerana ia tidak disandarkan pada apa-apa autoriti agama yang kukuh.

“Kami ingin mengingatkan kepada pihak berkenaan jangan cuba mengganggu dan campur tangan dalam urusan Islam di negara ini”

Mohd Azmi Abdul Hamid,
Presiden MAPIM





TAJUK : SASTERA MEDIUM BERKESAN DIDIK GENERASI MUDA NILAI ADAB, SOPAN

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sastera medium berkesan didik generasi muda nilai adab, sopan

Nur Faathinah
Mohammad
Roshdan dan
Nurul Nisha
Mohd Shah,
UiTM Kampus
Rembau

Generasi muda adalah aset penting pembentukan masa depan negara. Namun, dengan keparahan isu sosial dan dangkalnya representasi adab dalam kalangan generasi muda kini, kita tertanya-tanya ke manakah arah mereka.

Justeru terdapat keperluan untuk melihat semula Rukun Negara. Rukun Negara sudah menggariskan lima prinsip utama pembentukan masyarakat berhemah dengan satu daripadanya menekankan mengenai kesopanan dan kesusilaan.

Dalam aspek perihal aspek kesopanan dan kesusilaan ini, kita perlu juga melihat semula mengenai keperluan pemeraksanaan sastera, kerana ia adalah medium dalam menyemai adab dan sopan.

Malah selari dengan program Eksplorasi Rukun Negara yang dilancarkan pada 14 Ogos lalu yang mendukung tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023, iaitu Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan, membuktikan bahawa perlunya ada pendekatan bagi meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai ejen menyatupadukan rakyat Malaysia, selain menyemai rasa cinta kepada negara.

Jadi, antara kaedah yang dilihat mampu menyokong usaha ini adalah melalui pemeraksanaan sastera dalam kalangan generasi muda. Sukar untuk kita menyangkal, sastera adalah alat yang kuat dalam membentuk generasi beradab dan beradab.

Prinsip ini bukan sahaja memainkan peranan penting dalam pembinaan akhlak individu, tetapi juga dalam pembangunan masyarakat yang harmoni dan bertamadun.

Sastera memiliki daya tarikan tersendiri, mampu memberi inspirasi, mendidik dan memberi kesedaran kepada sesiapa yang menghayatinya. Jadi dengan penekanan yang tepat, sastera dapat menjadi medium efektif untuk mendidik nilai kesopanan dan kesusilaan kepada generasi muda.

Karya sastera, seperti novel, cerpen dan drama, dapat memaparkan situasi yang mengandungi konflik moral serta etika, memberikan peluang kepada pembaca atau penonton untuk merenung juga meresapi implikasi daripada tindakan yang diambil oleh watak dalam cerita.

Beri contoh teladan kepada masyarakat

Justeru, sastera dapat memainkan peranan penting dalam memberi contoh teladan mengenai tindakan dan keputusan moral. Melalui cerita dengan watak jujur, toleransi dan keberanian, generasi muda dapat memahami nilai ini dalam konteks kehidupan seharian. Watak yang menghadapi cabaran etika dan membuat keputusan yang betul juga memberi inspirasi kepada masyarakat dalam menghadapi situasi sama. Ia mungkin dianggap enteng oleh kebanyakan orang, tetapi hal yang dianggap remeh itulah sebenarnya asas kepada tertegak teguhnya adab seorang manusia.

Selain itu, sastera juga jendela warisan budaya dan tradisi. Penerokaan karya sastera membantu pembaca memahami akar budaya sendiri. Ini memberi mereka satu pandangan lebih mendalam mengenai nilai kesopanan dan kesusilaan yang diamalkan nenek moyang. Malah sastera tempatan juga dapat memperkukuhkan rasa identiti nasional dan menggalakkan sikap hormat terhadap pelbagai budaya.

Mungkin ramai kurang tahu, karya sastera membentuk pemikiran kritis dalam menganalisis watak, tema, dan plot. Proses ini merangsang perkembangan pemikiran analitis yang penting dalam penghayatan nilai kesopanan dan kesusilaan.

Selain itu, sastera juga mampu membantu mengembangkan empati melalui penghayatan pengalaman watak dalam cerita, menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap perspektif orang lain.

Kesimpulannya, dalam dunia yang semakin kompleks, nilai kesopanan dan kesusilaan memegang peranan penting dalam memastikan keharmonian serta kestabilan masyarakat. Pemeraksanaan sastera sebagai medium untuk membina generasi yang beradab dan beradab adalah langkah yang bijak. Mengambil pendekatan kreatif dan relevan, sastera dapat membantu menghidupkan prinsip Rukun Negara yang kelima dalam jiwa generasi muda lantas memberi sumbangan kepada pembentukan masyarakat bermartabat dan beretika.



TAJUK : 'TAK REDA HIBA TIADA AYAH, IBU PULA PERGI'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kuala Krai

Belum kering air mata selepas pemergian ayah, enam beradik dari Kampung Sungai Pas di sini, kembali berduka apabila ibu mereka pula dijemput ilahi.

Kini, mereka yang berusia 11 hingga 20 tahun itu bergelar yatim piatu dan hidup sebatang kara di rumah peninggalan ibu bapa yang mana anak sulung, Nik Malikil Adli Nik Azizi, 20, menjadi ketua keluarga.

Nik Malikil Adli yang bekerja di kedai makan tidak jauh dari rumah berkata, pemergian bapa, Nik Azizi Nik Mustapha, 52, dan ibu, Noraini Ismail, 49, memberi kesan sangat besar dalam hidup mereka enam beradik.

Dia berkata, tanggungjawab dipikulnya amat berat, tambahan lagi dalam usia muda dan perlu menyara lima adik yang semua masih bersekolah.

"Abah meninggal dunia pada Mac lalu kerana serangan jantung disusuli Umi pada 28 Jun baru-baru ini disebabkan masalah paru-paru serta darah beku dalam hati.

"Belum habis kesedihan

'TAK REDA HIBA TIADA AYAH, IBU PULA PERGI'

Enam beradik yatim piatu kini sandar harapan pada abang sulung sara keluarga

akibat kehilangan abah, perasaan itu ditambah pula dengan pemergian Umi dan walau belum bersedia dengan kehilangan mereka, kami reda.

"Kini tanggungjawab menjaga adik tergalas di bahu saya sebagai anak sulung dan jika sebelum ini saya pernah bekerja di luar Kelantan, tapi kini saya perlu berada dekat dengan adik demi amanah yang besar," katanya.

"Abah meninggal dunia pada Mac lalu kerana serangan jantung disusuli Umi pada 28 Jun baru-baru ini disebabkan masalah paru-paru serta darah beku dalam hati"

Lima adiknya yang masih bersekolah berusia antara 11 hingga 18 tahun dan difahamkan semua mereka antara pelajar cemerlang di sekolah masing-masing.

Bagaimanapun, anak keempat dari lapan beradik, Nik Muhammad Zahid, 13, berhenti sekolah awal tahun ini atas faktor tertentu namun diusahakan untuk bersekolah semula di sebuah tahfiz di negeri ini.

Bagi adiknya, Nik Izzati, 18, mereka perlahan-lahan menerima ketiadaan kedua ibu bapa dan bersyukur kerana masih ada waris terdekat yang mengambil tahu keadaan keluarga mereka.

"Ketika abah pergi, saya menduduki peperiksaan dan tinggal satu kertas sahaja untuk diselesaikan, namun saya kuatkan diri



NIK Malikil Adli menunjukkan foto ibu bapa mereka yang meninggal dunia sambil diperhatikan empat adiknya ketika ditemui di Kampung Sungai Pas.

untuk terus menjawabnya meskipun dalam hati Allah saja tahu betapa tertekannya.

"Pemergian Umi pula kami bersedia kerana sering sakit dan sekarang

kami enam beradik tiada tempat bergantung serta perlu berdikari selain meletakkan abang (sulung) sebagai tulang belakang," katanya.

Terdahulu, mereka me-

nerima kunjungan badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili pengurusan, Che Norhayati Mohamed yang hadir menghulurkan zakat.



TAJUK : **AMBIL RM1.58 JUTA NAK GUNA SENDIRI**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **26 OGOS 2023**

M/SURAT : **03**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**



TAN didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan melakukan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM1.58 juta, tahun lalu.

AMBIL RM1.58 JUTA NAK GUNA SENDIRI

Pembantu peribadi tak mengaku salah pecah amanah

Kuala Lumpur

Seorang pembantu peribadi kepada pengarah syarikat perunding pertahanan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, atas dua pertuduhan melakukan pecah amanah wang syarikat berjumlah RM1.58 juta, tahun lalu.

Tertuduh, Tan I-Lyn, 39, yang juga pengurus pentadbiran syarikat itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atasnya dibacakan di hadapan Hakim Datin Sabariah Othman.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, Tan didakwa sebagai pekerja di Ada Vinci Global Sdn Bhd yang diamanahkan menguruskan



Anak guam hidap diabetes dan darah tinggi manakala ibu bapanya berusia 75 tahun berada di Pulau Pinang dan tidak sempat ke mahkamah pagi ini atas faktor kesihatan dan usia,"

Azzuan Shah

perihal kewangan syarikat telah melakukan pecah amanah dengan mengambil wang syarikat RM58,354 dan RM1,518,422.88 untuk kegunaan sendiri.

Wanita itu dituduh melakukan perbuatan itu di syarikat berkenaan di Menara YNH Kiara 163, Mont Kiara, antara 3 Disember 2021 dan 10 Disember 2022, mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun dengan sebat dan denda, jika sabit kesalahan.


Timbalan Pendakwa Raya Noor Shakira Aliana Alias menawarkan jaminan RM120,000 untuk kedua-dua pertuduhan beserta syarat tambahan passport tertuduh diserahkan kepada mahkamah hingga kes selesai.

Peguam Azzuan Shah Abd Razak mewakili ter-

tuduh memohon jaminan rendah atas alasan anak guamnya masih menanggung ibu bapa selain akaun banknya telah dibekukan sejak Disember tahun lalu.

"Anak guam juga menghidap diabetes dan darah tinggi manakala ibu bapanya berusia 75 tahun berada di Pulau Pinang dan tidak sempat ke mahkamah pagi ini atas faktor kesihatan dan usia," katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM70,000 bagi kedua-dua pertuduhan dan syarat tambahan seperti dicadangkan pendakwaan selain menetapkan 27 September ini untuk sebutan semula kes.



TAJUK : ANAK MALU JUMPA ORANG SEBAB KENA EJEK KAKO BENGKOK

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 08

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Anak malu jumpa orang sebab kena ejek kaki bengkok

Kuala Lumpur: "Saya juga mahu anak berjalan normal macam orang lain kerana sedih dan tak sampai hati tengok keadaannya begitu," luah Kamariah Amran.

Kamariah, 38, ibu kepada Muhammad Firas Adli Mohd Azlan, 13, yang menderita penyakit *Congenital Pseudarthrosis of Tibia (CPP)* atau masalah tulang bengkok.

Penyakit itu menyebabkan kedua-dua kaki Muhammad Firas Adli membengkok dan perlu berjalan menggunakan tongkat dan alat sokongan.

Kamariah yang menetap di Alor Gajah, Melaka, berkata doktor mengesyorkan anaknya menjalani pembedahan bagi memasukkan implan untuk membantu meluruskan kaki bengkok.

Menurutnya, dia mahupun suami, Mohd Azlan Mohd Som, 38, tidak mampu kerana rawatan itu melelan kos RM70,000 dan perlu dijalankan di sebuah hospital swasta, di sini.

"Saya dan suami mencari rezeki dengan berniaga di pasar malam dengan men-



MUHAMMAD Firas Adli bersama ibu bapanya mendengar penerangan daripada Dr Razak mengenai prosedur pembedahan kakinya yang bengkok. Gambar NSTP/AMIRUDIN SAHIB

jual nasi lemak dan kuih sejak lebih 10 tahun lalu.

"Namun, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ada tapak pasar malam ditutup dan ada ketika cuma kami saja berniaga di tapak pasar malam.

"Anggaran pendapatan bulanan kami sekitar RM2,000, memang tak cukup nak tampung kos pembedahan Firas. Walaupun

kami berikhtiar, pendapatan sekadar cukup untuk sara hidup," katanya ketika ditemubual pada sesi Google Meet, semalam.

Bercerita lanjut, Kamariah berkata, Muhammad Firas anak bongsu daripada empat beradik dan dikesan menghidap penyakit itu ketika lahir.

"Bagaimanapun, saya se-

lepas lihat dia berjalan dan jatuh.

"Saya dan suami bawa Firas ke hospital untuk pemeriksaan sebelum tahu penyakit dialami sejak usia setahun lebih hingga sekarang. Bagaimanapun, tiada pembedahan pernah dijalankan sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Mohd Azlan, 38, berkata, kekurangan diri menyebabkan

anak bongsunya sering di-ejek rakan di sekolah.

Menurutnya, ejekan itu membuatkan Muhammad Firas tersinggung dan sedih hingga hilang keyakinan berjumpa orang lain.

"Anak sedih kena ejek dan dia pun malu kerana apabila keluar, orang pandang sampai tak nak ikut apabila diajak ke majlis.

"Orang selalu tanya saya kenapa dengan anak dan setiap kali itu, saya beri jawapan sama.

"Tapi saya dan isteri cuba pujuk dia untuk bersabar. Sebak juga sebenarnya kerana Firas bercita-cita nak jadi askar dan polis, tapi apakan daya, dia tak penuhi syarat kelayakan," katanya.

Sementara itu, Pakar Bedah Ortopedik Hospital Gleneagles Dr Razak Muhammad berkata, pembedahan dijalankan membatalkan prosedur membuang segmen tulang yang tidak normal.

"Kemudian, kita guna ejen sintetik tulang dekat kawasan dipotong dan harapan kita supaya dapat cantum kerana risiko tidak berjaya (cantum) itu ada.

"Pembedahan itu mengambil masa empat hingga lima jam dan diharapkan tiada komplikasi lain kerana risiko setiap pembedahan, salah satunya jangkitan kuman cuma rendah.

"Selepas pembedahan, Firas perlu menjalani pemeriksaan susulan yang mengambil masa lama dan dia perlu dipantau sehingga usia 18 tahun," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan wang tunai atau cek dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan MEDIA PRIMA-NSTP.

Sumbangan boleh dialamatkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kum-pulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun bank Tabung Kemanusiaan MEDIA PRIMA-NSTP (MAYBANK - 5141-0532-3170) dan Bank Muamalat (1401 0008 8427 18)



TAJUK : LULUH HATI IBU

HARI : SABTU

TARIKH : 26 OGOS 2023

TONE : NEUTRAL

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 11

SEKTOR : KPWKM

Oleh Mahaizura
Abd Malik
[mahaizura@mediapri-
ma.com.my](mailto:mahaizura@mediapri-
ma.com.my)

Kuala Lumpur

Luluh hati ibu muda ini apabila bayi yang baru berusia 80 hari bergantung penuh kepada alat pernafasan selain wayar berselirat dipasang pada tubuh kecilnya.

Hanan Izyan Azman, 26, berkata, anak bongsunya, Emir Ayyash Mohd Nurhelmy Nizam didiagnos dengan masalah jantung, *atrial septal defect* (ASD) dan *patent ductus arteriosus* (PDA) selepas dilahirkan 15 Jun lalu.

"Kami tahu jantung bayi kami bermasalah sejak dari dalam kandungan ketika pemeriksaan terakhir kehamilan sebelum bersalin.

"Selepas bersalin, dia terus dimasukkan ke hospital untuk menjalani pemeriksaan dan rawatan sebelum pakar mengesahkan jantungnya bermasalah dengan ASD dan PDA dan memerlukan pembedahan segera," katanya.

Katanya, sejak dilahirkan sehingga kini anaknya hanya bergantung kepada alat bantuan pernafasan dan minum susu menerusi tiub khas.

"Saya sedih melihat keadaan yang dicucuk tubuhnya sana sini dengan wayar berselirat. Malah, saya perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan termasuk jangkitan penyakit terhadapnya.

"Setiap hari, kami berulang-alik ke hospital untuk melihat dan menghantar keperluannya termasuk susu badan yang dipam.

"Saya tak dapat nak gambarkan perasaan saya ketika melihat keadaan Emir Ayyash apatah lagi saya berniat mahu menyusukannya sendiri," katanya.



LULUH HATI IBU

*Bayi 80 hari
perlu RM60,000
biaya kos bedah
jantung*

EMIR Ayyash didiagnos dengan masalah jantung, *atrial septal defect* (ASD) dan *patent ductus arteriosus* (PDA) selepas dilahirkan 15 Jun lalu.

Sementara itu, suami, Mohd Nurhelmy Nizam Saiful Bahari, 27, yang bekerja sebagai pentadbir di syarikat swasta, merayu orang ramai membantu membiayai kos pembedahan RM60,000 di Pusat Perubatan Sunway.

"Anak saya perlukan pembedahan segera bagi menyelamatkan nyawa demi memastikan dia membesar normal. Dengan pendapatan RM3,000 sebulan, saya tak mampu membiayai kos itu.


"Saya harap orang ramai sudi menyumbang kerana tanpa pembedahan ini saya tidak tahu hayatnya bertahan sampai bila," katanya.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan dengan menulis nama pesakit di belakang cek kepada Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP dan sumbangan kepada tabung berkenaan layak mendapat pelepasan cukai.

Sumbangan boleh diala-

matkan kepada Jabatan Komunikasi Korporat Kum-pulan Media Prima Berhad, Tingkat Empat, Anjung Riong, Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan menerusi akaun Bank Muamalat bernombor [14010008842718](https://www.muamalat.com.my) atau Maybank bernombor 514105323170 dan nyatakan nama pesakit pada bahagian rujukan penerima atau butiran pembayaran lain.



TAJUK : 'MINISTRY KEEPING CLOSE TABS ON EDUCATION IN SABAH, SARAWAK'

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Education Minister Fadhlina Sidek (centre) checking a pupil's book during a work visit to Semporna yesterday. BERNAMA PIC

PARLIAMENT'S FOLLOW-UP PROGRAMME

'Ministry keeping close tabs on education in Sabah, Sarawak'

SEMPORNA: The Education Ministry is paying close attention to education, the welfare of students and the upgrading of dilapidated schools in Sabah and Sarawak, said Education Minister Fadhlina Sidek.

She said her ministry, together with the Sabah Education Department, was working on resolving concerns pertaining to undocumented and non-citizen children, as well as other issues, such as boats to reach schools.

She said during her visit to Tawau, Kunak and Semporna on Thursday and yesterday, she got feedback and requests from headmasters on the need for additional classes and repairs for laboratories and classrooms.

"Most requests are within the school's target, such as the Supplementary Food Programme.

"Yesterday (Thursday), there was a request for more boats to schools as there were not enough.

We took note of that.


"Today (yesterday), the state education director (Raisin Saidin) is also here. He will address the matters immediately. We will coordinate with the state Education Department to sort out matters," she said after visiting SK Bangau-Bangau yesterday.

Fadhlina's work visit to Tawau, Kunak and Semporna ended yesterday. It is part of Parliament's follow-up programme for access to education for children and non-citizen children.

In Sabah, 315 schools are in need of repairs or rebuilding.

Fadhlina said this visit was different from others as the follow-up programme focuses on issues raised in Parliament on the needs of schools in Sabah and Sarawak.

"The second follow-up will prioritise school issues and the third will be on the Madani Economy, involving community participation," she said. **Bernama**



TAJUK : 1,500-STUDENT FORMATION FOR PARADE

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

GEARING UP FOR MERDEKA

1,500-STUDENT FORMATION FOR PARADE

Teens from 47 Selangor, KL schools will form National Day logos at Putrajaya event

PUTRAJAYA

A TOTAL of 1,500 students armed with fans and handkerchiefs will create human formations of the Demi Malaysia, Tekad Perpaduan and Malaysia Madani logos at this year's National Day celebration at Dataran Putrajaya on Aug 31.

Assistant director of the Arts Development and Excellence Unit of the Education Ministry's Sports, Co-Curriculum and Arts Division, Nor Hapipah Md Shah, said the human formation performance that would be part of the opening component would be accompanied by the 2023 National Day theme song, *Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan*.

She said the participants comprised Forms two, three and four

students from 47 schools in Kuala Lumpur and Selangor.

"We need to ensure that every student moves harmoniously so as not to spoil the formation of the logos, when viewed from above," she told Bernama.

She said 25 teachers would ensure a flawless human formation before an estimated 100,000 visitors and guests of honour.

"We will also ensure that the students have enough rest after practice, which starts at 8am and ends at 3pm," she said, adding that practice sessions had been held since last month.

Nor Hapipah said around 600 students would join 1,000 dancers and drummers from the National Department for Culture and Arts for a special performance accompanied by the song *Kurik Kundi*, once popularised



Nor Hapipah Md Shah

by Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin.

Several artistes from different ethnic backgrounds will perform the song to symbolise unity.

Participant Luqman Hakim Kamal Hakimi, 16, said his first experience of being part of a human formation would be memorable as he would perform in front of distinguished guests, including Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

"I am excited and can't wait for Aug 31 because I have never been involved in a National Day event," said the student from Sekolah Menengah Kebangsaan Bangsar in Kuala Lumpur.

Sheryl Shaqeera Shamsul Zahari, 15, from Sekolah Menengah Perempuan Sri Aman in Petaling Jaya, Selangor, is motivated thanks to her parents' support.

"We promise to deliver the best performance, not only for our own satisfaction but to make our parents and schools proud," she said. **Bernama**



TAJUK : KOTA BARU PRESCHOOLS GET INTO MERDEKA SPIRIT

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Baru preschoolers get into Merdeka spirit

KOTA BARU: More than 30 preschoolers of Taska and Tadika Minda Kasih at Jalan Kuala Krai here wore colourful costumes and sang patriotic songs as part of a National Day event.

Their teacher, Siti Zanani Mohd Khan, said the children, aged 3 to 6, were excited to take part in the event.

"While the National Day falls on Aug 31, we opted to organise the event now as the school holidays in Kelantan begin today (yesterday)," she said.

"Throughout the past week, our pupils have been practising singing patriotic songs while waving the national flag, all in preparation for a simple parade.

"Today, their joy in participating in the parade and singing these songs was for all to see."

The event commenced with the

preschoolers singing *Negaraku*.

They waved the Jalur Gemilang while enthusiastically singing the national anthem.

"Then, they paraded around the village to display their love for the country," Siti Zanani said.

Highlighting the significance of nurturing patriotism, Siti Zanani said the preschools organise the National Day parade every year.

"Although they are still young, it seems that they understand the meaning of this celebration," she added.

She said the children also participated in a Jalur Gemilang colouring contest.

Malaysia will celebrate its 66th Merdeka Day on Aug 31 and this year's theme is "Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan".



The preschoolers of Taska and Tadika Minda Kasih at Jalan Kuala Krai in Kota Baru wearing traditional costumes and waving the national flag at a National Day event yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH



TAJUK :	'VACCINATE PREGNANT WOMEN AGAINST WHOOPING COUGH'		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	26 OGOS 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

'Vaccinate pregnant women against whooping cough'

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
and GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Providing Tetanus, Diphtheria and Acellular Pertussis (TDAP) vaccines to pregnant women nationwide will allow the country to have better control over the spread of Pertussis, otherwise known as the whooping cough, says Datuk Dr Zulkifli Ismail.

The Immunise4Life programme technical committee chairman said providing the vaccines, especially to undocumented children and individuals in Sabah, will be beneficial, noting how a third of the current reported cases was from there.

"Providing TDAP vaccines to pregnant women at 27 to 36 weeks of pregnancy offers immunity to the baby at birth, and before they receive their first diphtheria, tetanus and acellular pertussis (DTap) vaccination.

"This will reduce the risk of infection to those below five months old," said the consultant paediatrician.

The DTap vaccine that is given to children aged two, three to five months with a booster at 18 months will prevent pertussis for a limited period of between six and 16 years, Dr Zulkifli explained.

"Adult vaccination with the TDAP vaccine is needed to continue that immunity. The current hexavalent pertussis-containing vaccines are effective in preventing infection in children.

"The TDAP vaccines are effective in adults and need a single dose only," he said.


Dr Zulkifli, who is also a paediatric cardiologist, also stressed how pertussis is highly infectious, starting from the catarrhal phase of runny nose and phlegm before the cough itself manifests.

"This means that the infected person can infect another person up to two weeks before the cough starts," he said.

On Tuesday, Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said 329 cases of pertussis were reported nationwide with 23 deaths as at Aug 19. And 219 cases involved Malaysians while 110 cases were foreigners.

Infants aged below 12 months made up 189 of the cases, children aged between one and 10 years made up 94 cases, with the remainder coming from those aged 11 years and above.

Sabah had the highest number of cases (181) followed by Selangor (51), Kuala Lumpur and Putrajaya (15), Pahang and Perak (13 cases each), Melaka and Negri Sembilan (12 cases each), Johor (nine), Sarawak (eight), Kelantan (seven), Kedah and Terengganu (three cases each), Penang and Labuan (one case each) while Perlis had no cases.



TAJUK :	1,500 STUDENTS TO FORM HUMAN NATIONAL DAY LOGO		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	26 OGOS 2023	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

1,500 students to form human National Day logo

PUTRAJAYA: A total of 1,500 students armed with fans and handkerchiefs will create human formations of the Demi Malaysia, Tekad Perpaduan and Malaysia Madani logos at the National Day 2023 celebration at Dataran Putrajaya on Aug 31.

Assistant director of the Arts Development and Excellence Unit of the Education Ministry's Sports, Co-Curriculum and Arts Division Nor Hapipah Md Shah said the human formation performance will fill the opening component

and be accompanied by the National Day 2023 theme song, *Tekad Perpaduan Penuhi Harapan*.

She said the participants comprised from two, three and four students, who were selected to represent 47 schools around Kuala Lumpur and Selangor.

Nor Hapipah also said that 25 teachers will act as coaches to guide the human formation throughout the performance to ensure a flawless display before the expected 100,000 visitors and guests of honour.

She said around 600 students would join 1,000 dancers and drummers from the National Department for Culture and Arts (JKKN) for a special performance accompanied by the song *Kirik Kundi*.

A participant, Luqman Hakim Kamal Hakimi, 16, described his experience as very valuable as they would perform in front of distinguished guests, including Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah and Raja Permaisuri

Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

"I am excited and can't wait for Aug 31," said the SMK Bangsar, Kuala Lumpur, student.

Meanwhile, Sheryl Shaqeera Shamsul Zahari, 15, from SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya, finds motivation in her parents' support to continue training despite exhaustion.

This will be Putrajaya's fifth time hosting the National Day celebration, after 2003, 2005, 2018 and 2019.



TAJUK : HE'S THERE WHEN THE HEART STOPS

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 26 OGOS 2023

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

He's there when the heart stops

More than 100 cardiac arrest victims helped, thanks to voluntary firefighter Gee

By ARNOLD LOH
arnold.loh@thestar.com.my

BUTTERWORTH: A voluntary firefighter has revived more than 100 sudden cardiac arrest (SCA) victims in the last three years – thanks to the automated external defibrillator (AED) that he carries wherever he goes.

Gee Pin Chiew, 40, became a Jalan Raja Uda voluntary fire squad member in 2016.

"I had always wanted to be a fireman since I was 12. I don't remember why I did not become one, but when the voluntary fire squad was formed in our neighbourhood, I immediately signed up," he said.

After a few years in fire rescue, Gee came across another emergency that bothered him more than fires; he saw that many people collapsed due to SCA and the chance of helping them was slim if rescuers did not know cardio-pulmonary resuscitation (CPR) or have an AED to deliver electric shocks to restart the victims' hearts.

"Our fire squad did a community crowdfunding and raised RM9,500 to buy an AED. Since I am the only member who has certified CPR and AED training, I was assigned to carry the AED with me at all times," he said.

Since he started carrying it wherever he went on his motorcycle, Gee, who runs a private hawker food delivery service, said he was saddened by how often he receives emergency calls



Life saver: Gee holding an AED device he carries on himself. Standing behind him are the founding members of the Code Blue Rescue Team in Butterworth. — LIM BENG TATT/The Star

about victims whose hearts stopped.

Almost always, those he saved were over 50 years old.

Some were at home and fell or experienced some sort of calamity that triggered the SCA.

Many were playing sports like badminton or futsal with friends in the evening or had gone hiking.

The youngest person Gee had to administer CPR to and use the AED on this year was a 35-year-

old man.

"Uncontrolled salt intake. Consuming unhealthy fats. Not exercising regularly. A lifestyle like that will weaken you and put you at high risk of suffering from SCA.

"I only look after the Butterworth area around Jalan Raja Uda (a 5km road), and have encountered so many SCA cases.

"It makes me sad and whenever I meet people now, I talk about

eating healthily and exercising regularly," said Gee, also a certified CPR trainer.

SCA differs from a heart attack, which causes chest, arm, neck or jaw pains for over an hour before the heart fails.

In the event of an SCA, the victim's heart would suddenly stop, and there is a window of only a few minutes to save the person and prevent permanent brain injury.

Gee said of the over 100 people he revived with the AED and CPR, he did not know how many had survived.

"My task as a first responder is to revive the heart and get the victim breathing again.

"But some still die later after they are sent to hospital. I don't keep track of those I helped," he said.

Penang has many publicly accessible AED around the state. Just search for "AED" on Google Maps to find them.

In March, Gee and many friends registered an NGO called Code Blue Rescue Team (CBRT).

In medical lingo, code blue is a super emergency. It means the patient's heart has stopped and immediate response is a must.

"After each use of the AED, the shock pads and battery have to be changed.

"It costs about RM600 for each change. The money comes from about 100 friends.

"We formed CBRT because we have learned that the fastest way to save an SCA victim is a first responder on a motorcycle with an AED.

"So we are trying to form a larger team of first responders to be of service to Butterworth," he explained.

Gee said he was willing to show other communities and neighbourhoods how to set up a system to help SCA victims.

For more information, go to "Code Blue Rescue Team" on Facebook.